

14/09/1998

Perjuangan perlu ikut majoriti

Faizal Fadzil; Bakhari Ariff

KUALA LUMPUR, Ahad - Pemimpin yang tidak lagi sehaluan atau bersetuju dengan keputusan yang dibuat parti secara sebulat suara, seharusnya mengundurkan diri secara terhormat.

Bekas Timbalan Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46), Datuk Dr Rais Yatim, berkata perjuangan mesti bersandarkan suara majoriti dan jika suara terbanyak tidak menyokong sesuatu perjuangan, pemimpin terbabit perlu meninggalkan parti.

Malah, katanya, beliau dan rakannya pernah meninggalkan Umno kerana tidak bersetuju dengan pemimpin atasan.

Beliau mengulas desakan pelbagai pihak dalam Umno supaya Ketua Pergerakan Pemuda, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, meletak jawatan kerana berpihak kepada bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dr Rais berkata, Ketua Pemuda mesti memihak kepada suara majoriti supaya jawatan itu tidak dipandang remeh.

"Jika pendirian tidak selaras suara majoriti, jalan keluar kepada Ahmad Zahid ialah meletak jawatan.

"Oleh sebab beliau memilih untuk menyerahkan kepada Majlis Tertinggi (MT) untuk membuat keputusan, bermakna beliau lebih mementingkan sentimen peribadi berbanding suara Pemuda keseluruhan," katanya.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Ahmad Zahid sepatutnya berundur daripada jawatan Ketua Pemuda, tetapi beliau tidak mahu berbuat demikian sebaliknya menyalahkan mereka yang menyuruhnya meletak jawatan.

Ahli MT Umno, Datuk Ibrahim Ali, turut bersetuju dengan saranan supaya Ahmad Zahid meletak jawatan kerana beliau kini mempunyai dua personaliti.

"Sebagai Ketua Pemuda, Zahid sepatutnya mempunyai pendirian yang lebih tegas. Kalau sokong mesti tunjukkan sokongan sepenuhnya. Jadi saya fikir, beliau akan lebih dihormati jika berundur," katanya.

Veteran Umno, Tan Sri Aishah Ghani, berkata pemimpin dulu tidak perlu disuruh berhenti, tetapi melakukannya secara sukarela apabila tidak mendapat sokongan akar umbi.

Beliau berkata, laporan akhbar menunjukkan hanya tiga atau empat Exco Pemuda saja menyokong Zahid manakala selebihnya menyokong pemecatan Anwar.

"Walaupun jawatan Ketua Pemuda dipilih perwakilan di Perhimpunan Agung Umno, pandangan Exco yang juga mewakili peringkat akar umbi juga perlu diambil kira," katanya.

Sementara itu, bekas pemimpin DAP, Datuk Lee Lam Thye, berkata beliau keluar daripada parti itu pada 1990 secara sukarela kerana tidak setuju dengan beberapa pemimpin dalam parti.

"Jika kita berasakan susah untuk meneruskan perjuangan dalam parti, kita seharusnya keluar secara sukarela," katanya.

(END)